

UPM pamer 17 produk untuk dikomersial

Selepas sedekad menjalankan penyelidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) buat julung kalinya mempamerkan 17 produk penyelidikan bertujuan mengkormesialkan kepada pihak industri.

Naib Canselornya Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramelan berkata, sambutan Sedekad Biotech sempena Hari Terbuka Inovasi (IOD) itu adalah hasil kajian yang dijalankan 15 penyelidik Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB).

"Pameran ini bertujuan menggalakkan pihak industri supaya menjalin kerjasama bersama penyelidik di UPM berkaitan penggunaan kepakaran, perundangan dan sebagainya.

"Ini kerana kebanyakan

daripada produk dipamerkan mempunyai paten yang difaiklan dan terdapat beberapa darinya sudah sedia dihasilkan pada skala besar dan seterusnya dikomersialkan," katanya pada sidang media sambutan Sedekad Biotech IOD, di sini, semalam.

Sambutan IOD yang mendapat kerjasama Putra Science Park (PSP) dirasmikan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Datuk Dr Asma Ismail.

Antara produk yang dipamerkan adalah metabolite daripada bakteria asid laktik, mee berprotein tinggi yang dihasilkan daripada hampas soya dan bunga matahari, kit mengesan sisa

toksik, ujian pengesanan pantas bagi virus nipah, pencuci yang mengandungi enzim lipase dan penggunaan sisa sawit bagi tujuan penghasilan pelbagai produk seperti gula, polimer, komposit dan bahan kimia.

Mohd Fauzi berkata, hari terbuka itu dapat memberikan impak positif kepada universiti dalam mengkormesialkan penyelidikan dalam kalangan masyarakat.

Selain pameran produk bioteknologi, terdapat juga beberapa hasil penyelidikan virologi molekul, teknologi enzim, bioteknologi alam sekitar dan biologi struktur dipamerkan sebagai pendedahan kepada pihak industri dan awam.